

**Program Transformasi Dilaksana Sejak Tiga Tahun Lepas Mulai Dirasai Rakyat - Najib**  
**Bernama**  
**23 Jun, 2012**

MELAKA, 23 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata program transformasi yang dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak tiga tahun lepas mula dirasai rakyat negara ini.

Beliau berkata janji-janji kerajaan BN dalam membangunkan negara serta membantu rakyat berjaya ditunaikan melalui pelbagai program yang dilaksanakan dalam tempoh itu.

"Dalam masa tiga tahun ini sahaja orang kata perubahan sebenar sudahpun berlaku ...perubahan yang begitu dirasai oleh rakyat. Cuba bayangkan kalau kita ada lima tahun lagi tentu banyak lagi perubahan yang kita akan lakukan oleh itu yakinlah kita (BN) janji, janji ditepati," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran UTC Melaka dan Jelajah Janji Ditepati di Jalan Hang Tuah di sini, hari ini.

Turut hadir isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Najib berkata pelaksanaan program termasuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Klinik 1Malaysia serta Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Luar Bandar (RTC) membuktikan kerajaan berjaya melaksanakan segala yang dirancang.

"Kita mesti ada kemampuan intelek untuk memikir idea-idea yang baru sebab dalam abad ke-21 ini sesiapa yang ada idea lebih hebat, lebih unggul dialah pihak yang akan mendapat sokongan daripada rakyat, jadi kita ada idea membantu rakyat bukan sahaja kita buat BR1M, PR1MA, kita juga ada idea supaya di tengah bandar ini kita lakukan transformasi bandar," katanya.

Sebaliknya, Najib berkata pihak pembangkang yang banyak menabur janji gagal menunaikannya sehingga menyebabkan rakyat khususnya di negeri yang dikuasai mereka berada dalam kesusahan.

"Kita tidak boleh pakai orang yang janji tidak ditunaikan, orang yang membohong...kita sebagai sebuah kerajaan kita mesti tunaikan janji kita," katanya.

Sementara itu Najib berkata kerajaan bercadang melaksanakan PR1MA di negeri Melaka yang membolehkan rakyat negeri itu membeli rumah dengan harga 20 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675234>